



**KIT PERTANDINGAN
ANUGERAH PENCAPAIAN MUDA 2024**

3-5 MEI 2024

HOTEL OLYMPIC MALAYSIA

**WISMA OCM, JALAN HANG JEBAT, CITY CENTRE,
50150 KUALA LUMPUR,**

ANJURAN:

PERTUBUHAN JURUUKUR DIRAJA MALAYSIA

MAKLUMAT	MUKA SURAT
1.0 PENGENALAN	
1.1 Royal Institution of Surveyors Malaysia	3
1.2 Pengenalan Kepada Bidang Ukur & Kategori Bidang Ukur	3-5
a. Ukur Ukur Tanah dan Geomatik	
b. Ukur Hartanah	
c. Ukur Bahan	
d. Ukur Bangunan	
2.0 Pengenalan Anugerah Pencapaian Muda RISM 2024	
2.1 Senarai Ahli Jawatankuasa Penganjur Pertandingan	6
2.2 Objektif Pertandingan	7
2.3 Peraturan Pertandingan (Pendaftaran Dan Kelayakan)	7
2.4 Format Pertandingan	8
2.5 Jadual Pertandingan	8-9
2.6 Syarat Penyerahan Pembentangan	9-10
- Pembubaran Penyertaan	
- Pertanyaan	
2.7 Kriteria Penilaian	10-11
- Proses Pemilihan dan Penjurian	
- Panel Juri	
2.8 Hadiah Pemenang	11
2.9 Hak Cipta	12
3.0 Projek/ Tugasan	13
4.0 Garis Panduan Penyerahan Tugasan	13
5.0 Kaedah Pembentangan Tugasan	13
6.0 Kuiz	14
7.0 Lampiran	
Lampiran A - Contoh Tugasan	15
Lampiran B - Rubrik Pembentangan Tugasan	16
Lampiran C - Soal Jawab Pertandingan	17
Lampiran D - Borang Pengesahan Pendaftaran Pertandingan	18

1.0 PENGENALAN

Kit Pertandingan ini direka bagi penyediaan para guru, pelajar, sukarelawan, penaja, pemerhati dan organisasi sokongan bagi menyampaikan maklumat berkaitan Pertandingan Anugerah Pencapai Muda RISM 2024.

Kit Pertandingan ini juga akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

Bagi Sebarang Pertanyaan Sila hubungi Sekretariat Pertandingan, melalui email rism.yaa@rism.org.my atau menghubungi pejabat Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia di talian 03 79551773 / 03 79569728

1.1 SEJARAH PENUBUHAN PERTUBUHAN JURUUKUR DIRAJA MALAYSIA

Juruukur telah diiktiraf sebagai satu profesi pada tahun 1885 dengan penubuhan Jabatan Ukur. Sebelum Mac 1961, terdapat dua badan profesional yang mewakili juruukur iaitu "The Malayan Institution of Surveyors" iaitu merupakan bekas R.I.C.S Federation of Malaya Branch dan Institution of "Land Surveyors". Sejarah bagi Juruukur tercipta pada 13 Mac 1961, apabila kedua-dua badan ini bertemu di bilik Lembaga Kelab Diraja Selangor memutuskan untuk membentuk Institusi Juruukur (Persekutuan Malaya). Pada E.G.M yang diadakan pada 19 Jun 1966. Setelah penemuan kedua-dua badan tersebut, nama Institusi telah ditukar kepada Pertubuhan Juruukur Malaysia.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berkenan mengurniakan taraf diraja kepada Institusi Juruukur Malaysia (ISM) ketika itu pada 28 Mac 2011. Penganugerahan diraja ini adalah yang pertama dikurniakan kepada mana-mana badan profesional atau NGO di Malaysia. Selepas itu, nama Institusi Juruukur Malaysia telah ditukar kepada Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia iaitu juga dikenali sebagai RISM. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor merupakan panaung RISM.

RISM ialah badan profesional rasmi profesi ukur di Malaysia iaitu Juruukur Bangunan, Geometik & Juruukur Tanah, Pengurusan Harta, Penilaian dan Agensi Estet Juruukur, dan Juruukur Bahan. Ia mewakili dan mempromosikan kepentingan Juruukur dan menyediakan jalan untuk interaksi antara ahli, profesi berkaitan, kerajaan, dan orang ramai. Pertubuhan ini juga berfungsi untuk mewujudkan dan mengekalkan kod etika profesional dan memastikan kemajuan profesi ukur.

Pengerusi-pengerusi Bahagian setiap bidang adalah merupakan ahli-ahli Majlis Agung yang juga merupakan badan pengelola kepada Penubuhan RISM.

RISM juga merupakan pemilik berdaftar yang mengeluarkan perakuan "Sr" dan pendaftaran "Sr" ini sah dan wujud di bawah Akta Cap Dagangan 2019.

Juruukur Profesional ialah orang yang berkelayakan, melalui peperiksaan dan pengalaman, dan mereka merupakan ahli RISM.

1.2 PENGENALAN KEPADA BIDANG UKUR & KATEGORI BIDANG UKUR

a) Bidang Ukur Tanah dan Geomatik (GLS)

Perkembangan teknologi terkini menjadi anjakan utama kepada perubahan istilah ukur tanah kepada geomatik.

Kini, bidang ini tidak terhad kepada pengukuran sempadan, bahkan teknologi dan kemahirannya diakui sebagai penyumbang utama dalam menyediakan data geospatial diperlukan negara.

Pelbagai maklumat ditawarkan bukan sahaja data ukuran penentududukan mutlak dan relatif, bahkan data persekitaran geografi yang menjadi input utama untuk analisis spatial tepat.

Kemahiran geomatik diperlukan sebelum mana-mana pemasangan talian dan menara penghantaran elektrik ditentududukan serta dipasang di kawasan bukit, gunung dan hutan.

Pengukuran peninjauan tapak dan topografi diperlukan untuk merancang kedudukan, reka bentuk laluan talian dan menara penghantaran elektrik di atas tanah.

Dalam pengurusan hutan negara pula, teknologi dan kemahiran geomatik untuk mengolah data pemetaan penderiaan jauh pengesan cahaya dan jarak (LiDAR), fotogrametri serta imej satelit dapat membantu mengenal pasti kawasan pembalakan haram dan memetakan kawasan berpotensi tanah runtuh.

Pengolahan data dan imej satelit dapat membantu pengurusan habitat hidupan liar mampan serta sistematik akibat perubahan iklim, gangguan manusia atau pencemaran.

Malah, risiko paip pecah atau bocor ketika kerja tanah dapat dibendung apabila pemetaan utiliti bawah tanah yang juga cabang geomatik dilaksanakan untuk menentududukan lokasi dan kedalaman paip utiliti.

Geomatik yang bermaksud permukaan bumi dan ukuran, diperkenalkan B Dubuisson pada 1969 bagi menggambarkan kepelbagaiannya peralatan dan teknik penentududukan yang digunakan dalam seni pengukuran, analisis, pengurusan dan pempaparan data spatial bumi serta alam bina.

Sistem penderiaan jauh, kartografi, Sistem Maklumat Geografi (GIS), geodesi, pemetaan utiliti, fotogrametri dan hidrografi antara disiplin utama membabitkan geomatik.

Semua disiplin ini memfokuskan pendekatan bersepada dalam menghasilkan data pengukuran tepat untuk analisis spatial.

Melihat kepada peranan geomatik yang merentasi pelbagai disiplin, ia menjadi bidang yang sangat mencabar dan berpotensi dalam pasaran

kerja yang menitikberatkan perkhidmatan berdasarkan lokasi dan penentududukan tepat.

Ahli profesional geomatik kini turut terbabit dalam perancangan, pelaksanaan dan pengurusan aktiviti pengukuran, selain hak milik serta pembangunan tanah, seperti 3D modeling, penetapan arah kiblat, pengurusan bencana dan pencemaran serta kajian saintifik pergerakan bumi.

Secara dasarnya, semua contoh aktiviti baharu ini adalah susulan daripada perkembangan teknologi satelit (GNSS), remote sensing, GIS, UAV dan pengimbasan laser pada masa kini yang semakin murah dan mudah digunakan.

b) Bidang Ukur Bahan (QS)

Juruukur Bahan merupakan pakar di dalam menentukan kos dan pembiayaan kontrak bangunan dan kejuruteraan. Juruukur Bahan atau QS adalah orang yang bertanggungjawab dalam menjaga pengurusan kewangan dalam setiap peringkat projek pembinaan. Di dalam sektor Kerajaan, ia juga dikenali sebagai pegawai kontrak dan ukurbahan. Juruukur Bahan yang bertauliah mempunyai institusi profesionalnya sendiri yang mana setiap QS boleh mengambil peperiksaan untuk mendapatkan pentaulahan Sr ("Surveyor").

c) Bidang Ukur Hartanah (PS)

Pemilikan, pembangunan, pelaburan dan pengurusan hartanah memerlukan risikan pasaran yang mendalam dan nasihat yang baik. Ahli-ahli Bahagian Ukur Hartanah adalah profesional berkelayakan yang dilatih untuk menyediakan perkhidmatan pakar dalam hartanah kepada pelanggan yang termasuk syarikat, institusi, badan berkanun, pemilik, pelabur, tuan tanah dan penyewa. Mereka bekerja sebagai Penilai, Pengurus Hartanah, Ejen Hartanah dan Perunding Hartanah.

d) Bidang Ukur Bangunan (BS)

Juruukur Bangunan menawarkan perkhidmatan pakar mengenai perkara yang berkaitan dengan pembangunan bangunan dan hartanah seperti pengurusan projek dan pembinaan, penyelenggaraan dan pemberian bangunan, pengubahsuaian dan pemulihan hartanah lama, undang-undang dan peraturan bangunan, kerja-kerja perobohan dan pembangunan hartanah. Juruukur Bangunan yang cekap dijangka mengurus, mengatur, menyelia, memantau, menilai, dan menyelaras setiap aspek kerja bangunan dan pembangunan serta bertindak sebagai penghubung penting dalam projek antara semua profesion gabungan seperti arkitek, jurutera, perancang dan pembina. Selain itu, Juruukur Bangunan juga menyediakan perkhidmatan perhubungan dan

perundingan dengan pihak berkuasa awam dan tempatan untuk pelanggan.

2.0 PENGENALAN ANUGERAH PENCAPAIAN MUDA 2024

Anugerah Pencapaian Muda 2024 (YAA 2024) merupakan pertandingan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM).

Pertandingan ini telah diadakan bermula sejak tahun 2000 untuk menyemai minat pelajar dalam silibus Matematik, Sains dan Teknologi. Ia juga bertujuan untuk membangunkan kemahiran pelajar dalam penaakulan intelek.

Kami, Jawatankuasa RISM YAA percaya bahawa program yang dianjurkan sebegini memberikan peluang kepada para pelajar mengenai gambaran yang lebih jelas tentang peranan juruukur di dalam semua aspek terutama di dalam sektor Industri Pembinaan Malaysia. Di samping itu, ia dapat meningkatkan pengetahuan para pelajar dan meningkatkan kreativiti mereka. Selain itu, pertandingan ini dianjurkan supaya dapat membantu mempromosikan industri ukur serta menggalakkan generasi muda menceburি bidang juruukur.

Pertandingan yang dianjurkan ini tidak memerlukan sebarang pembayaran daripada pihak pelajar dan guru. Pihak RISM akan menanggung kos makan dan penginapan selama 3 hari 2 malam yang akan diadakan di Hotel Olympik Malaysia, Kuala Lumpur.

2.1 AHLI JAWATANKUASA PERTANDINGAN ANUGERAH PENCAPAIAN MUDA 2024

Di bawah merupakan senarai Ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam mengjururkan pertandingan ini:

■ Sr Dainna Baharuddin	Pengerusi
■ Sr Khoo Sui Lai	Ahli Jawatankuasa
■ Sr Mohd Hafizuddin Bin Idris	Ahli Jawatankuasa
■ Sr Tee Wei Kin	Ahli Jawatankuasa
■ Sr Dr. Kamalahasan Achu	Ahli Jawatankuasa
■ Sr Erman Hardy Murzamil	Ahli Jawatankuasa
■ Sr Ts. Mohd Asrul bin Hassin	Ahli Jawatankuasa
■ Sr Muhammad Arif bin Abu Hassan	Ahli Jawatankuasa
■ Assoc. Prof. Sr Dr. Khairul Nizam Bin Tahar	Ahli Jawatankuasa
■ Sr Nuzaihan Aras Binti Agus Salim	Ahli Jawatankuasa Caw. Utara
■ Sr Chow Wen Yan	Ahli Jawatankuasa Caw. Utara
■ Sr Hj Tajuddin Arshad Bin Mat Ghani	Ahli Jawatankuasa Caw. Pantai Timur
■ Sr Mohd Zamali Bin Zakaria	Ahli Jawatankuasa Caw. Pantai Timur
■ PM. Sr Ts. Dr. Mohammad Ashraf Bin Abdul Rahman	Ahli Jawatankuasa Caw. Johor
■ Sr Dr Kelvin Tang	Ahli Jawatankuasa Caw. Johor
■ Siti Noor Hanie Salleh	Sekretariat
■ Nurul Syafiqah Mazlan	Sekretariat

2.2 OBJEKTIF PERTANDINGAN

- Mempromosikan industri ukur kepada generasi muda dengan tujuan agar pelajar mendapat inspirasi untuk memilih dan melanjutkan pelajaran di dalam bidang ukur.
- Menyampaikan maklumat dan meluaskan pengetahuan mengenai kepentingan menceburii bidang ukur dan kepentingan Juruukur dalam profesiion di masa hadapan.

2.3 PERATURAN PERTANDINGAN (PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN)

- i. Penyertaan bagi pertandingan ini terbuka dan percuma kepada semua pelajar sekolah menengah bagi **tingkatan 4 sehingga tingkatan 5**.
- ii. Setiap sekolah dibenarkan untuk mendaftar sehingga **tiga (3) pasukan** yang terdiri daripada **tiga (3) pelajar dan seorang (1) penyelia / guru setiap pasukan**.
- iii. Penyelia/guru tidak dibenarkan mengawasi mana-mana kumpulan lain dan kumpulan lain hendaklah diketuai oleh Penyelia/guru lain dari sekolah.
- iv. Sebagai contoh, jika sekolah tertentu telah menghantar tiga (3) pasukan untuk mengambil bahagian, tiga (3) kumpulan hendaklah diketuai oleh tiga orang penyelia/guru yang berbeza.
- v. Dalam kes berbilang pasukan dari sekolah yang sama layak ke pusingan akhir; hanya tiga (3) pasukan sekolah masing-masing dengan markah terbaik dalam Pusingan Awal akan mara ke pusingan akhir.
- vi. Mana-mana sekolah yang ingin menyertai pertandingan perlu mendaftarkan penyertaan mereka melalui Laman Web RISM (<https://www.rism.org.my>) **sebelum 1 April 2024**. Semua pendaftaran penyertaan tersebut akan dimaklumkan oleh Jawatankuasa melalui e-mel.
- vii. Sekiranya ahli pasukan tidak dapat mengambil bahagian dalam acara itu selepas tarikh akhir pendaftaran, ketua pasukan dikehendaki memaklumkan kepada Ahli jawatankuasa untuk penggantian dan menyerahkan senarai nama baharu.
- viii. Penyelia / guru dibenarkan membantu pelajar dalam penyediaan bahan pembentangan seperti penstriman dan rakaman video semasa pusingan akhir pertandingan.
- ix. Penyelia / guru tidak dibenarkan memberi pembentangan bagi pihak pelajar atau muncul dalam sebarang rakaman video semasa pembentangan.

- x. Setiap ahli pasukan yang telah menyertai pertandingan akan menerima Sijil Penyertaan.

2.4 FORMAT PERTANDINGAN

- i. Pertandingan ini dianjurkan oleh Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM).
- ii. Pertandingan akan dijalankan dalam secara dua peringkat. Setiap pasukan yang mengambil bahagian dikehendaki melepas Pusingan Pertama sebelum meneruskan ke Pusingan Akhir.
- iii. Pusingan Akhir pertandingan akan dijalankan secara fizikal di Hotel Olimpik Kuala Lumpur.
- iv. **Rubrik pembentangan lisan** bagi untuk pusingan akhir boleh rujuk di **Lampiran B**.

2.5 JADUAL PERTANDINGAN

2.5.1 GARIS MASA PERTANDINGAN

Date (2024)	Event
22 Februari 2024	Pendaftaran Pertandingan dibuka https://rism.org.my/young-achievers-award-2024/
18 Mac 2024, 2.00ptg	Taklimat secara dalam talian: Ceramah Bimbingan Kerjaya, Taklimat YAA kepada sekolah yang berpotensi Pautan: https://us02web.zoom.us/j/82963028412?pwd=UWdyakxraTIhNFpUOVVIYWQ4cGkwQT09
1 April 2024	Pendaftaran Pertandingan ditutup
5 April 2024	Penyerahan bahan pembentangan ke email rism.yaa@rism.org.my Penyerahan terdiri daripada: 1. Propektus 2. Pautan kepada laman web yang telah dicipta 3. Video promosi berdurasi 10 saat
15 April 2024	Pertandingan Pusingan Pertama bermula Tarikh dan tempat akan dimaklumkan selepas penyertaan dibuat.

18 April 2024	Pengumuman keputusan Pusingan Awal
3- 5 May 2024	Pertandingan Akhir Kebangsaan Penyampaian Hadiah & Majlis makan malam Lawatan sambil belajar, Program Tamat

2.6 SYARAT PENYERAHAN PEMBENTANGAN

2.6.1 PERINGKAT 1 – PUSINGAN AWAL

- i. Selepas pendaftaran, pasukan yang mengambil bahagian akan diberikan kit pertandingan melalui e-mel oleh Sekretariat pertandingan.
- ii. Setiap pasukan dikehendaki menghantar tugas yang lengkap iaitu:
 - Prospektus
 - Pautan laman web
 - Video promosi dalam 10 saat
- iii. Kandungan bantuan visual bagi menghasilkan perspektus dan laman web boleh menggunakan Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris Sahaja.
- iv. Pembentangan secara digital perlu memasukkan **LOGO SEKOLAH** masing-masing di sudut kanan setiap perspektus.
- v. Pasukan yang mengambil bahagian juga perlu menyerahkan **Borang Pengesahan Pendaftaran** seperti di **Lampiran D** dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh wakil pasukan dan Pengetua Sekolah masing-masing.
- vi. Setiap tugas akan dinilai oleh wakil bagi setiap pejabat cawangan RISM.
- vii. Tarikh **tutup pertandingan** adalah pada **1 April 2024** dan tarikh tutup **penghantaran tugas** adalah pada **5 April 2024**.

2.6.2 PEMBUBARAN PENYERTAAN

- i. Kegagalan peserta untuk mematuhi peraturan dan syarat Pertandingan ini boleh menyebabkan kehilangan kelayakan serta-merta daripada pertandingan.
- ii. Penyerahan mestilah karya asal peserta. Sebarang idea, perkataan, atau kerja orang lain dan mengakui sebagai milik sendiri adalah satu bentuk penipuan dan pelanggaran integriti pertandingan yang akan mengakibatkan pembubaran penyertaan.
- iii. Penyerahan lewat tidak akan dilayan dan mengakibatkan pembubaran penyertaan.
- iv. Ahli Jawatankuasa hendaklah mempunyai budi bicara telus dan mutlak dalam membuat keputusan mengenai penerimaan atau pembubaran penyertaan mana-mana penyertaan atas apa jua alasan sekalipun; dan keputusan Ahli jawatankuasa adalah muktamad.

2.6.3 PERTANYAAN

- Sebarang pertanyaan atau soal jawab pertandingan hanya dengan **Borang Soal Jawab** seperti di **Lampiran C** melalui e-mel ke rism.yaa@rism.org.my
- Balasan rasmi kepada pertanyaan, jika ada, berdasarkan pertanyaan yang dikemukakan, akan menjadi sebahagian daripada syarat dan arahan dan akan disiarkan di laman web RISM dan atau e-mel kepada semua pasukan yang mengambil bahagian sebelum **7April 2024**.

2.7 KRITERIA PENILAIAN

2.7.1 PANEL JURI HENDAKLAH MENILAI PENYERTAAN PASUKAN BERDASARKAN KRITERIA BERIKUT:

Item	Kriteria	Markah Penilaian
1.	Kafahaman pelajar memahami projek dan tugasan yang diberikan dan yang perlu dilaksanakan.	20%
2.	Kemahiran analisis dan penyelesaian masalah dalam melaksanakan pelbagai tugas dalam tugas ini.	30%
3.	Pengetahuan dan kefahaman tentang kaitan 4 bidang ukur terhadap tugas ini.	30%
4.	Struktur kandungan pembentangan adalah teratur dan infomatif	20%
	Jumlah Markah	100%
5.	Kemahiran pembentangan dan komunikasi seperti Rubrik yang dilampirkan di Lampiran B	

2.7.2 PROSES PEMILIHAN DAN PENJURIAN

Pemilihan pemenang akan dijalankan dengan bilangan juri ganjil (5, 7 atau 9). Ketua Juri / Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Pertandingan hendaklah mempunyai kuasa penuh untuk memilih panel juri untuk menilai pembentangan mengikut semua kriteria penilaian yang ditentukan.

2.7.3 PANEL JURI

Terdapat kira-kira sembilan (9) Juri yang akan dilantik oleh Ahli Jawatankuasa Pertandingan ini.

- i. Ketua Juri/Pengerusi Pertandingan hendaklah menjadi pengurus panel dan mengetuai juri bagi menyemak pembentangan dan merumuskan keputusan penilaian yang akan dibawa ke hadapan pada setiap peringkat proses pemilihan.
- ii. Ahli Jawatankuasa berhak untuk menggantikan, menambah atau mengurangkan mana-mana juri yang mungkin tidak hadir pada mana-mana peringkat kerana keadaan yang tidak diduga dan/atau timbul.
- iii. Bagi Peringkat Pertama (1) – Pusingan Pertama, minimum lima (5) hakim akan dilantik untuk memilih sehingga sepuluh (10) finalis untuk meneruskan ke Peringkat Akhir.
- iv. Bagi Peringkat 2 – Pusingan Akhir, kurum penuh sembilan (9) Juri akan bersidang untuk mengadili para pemenang.
- v. Keputusan Panel Juri akan dibuat secara majoriti.

- vi. Semua keputusan yang dibuat oleh Panel Juri adalah muktamad dan sebarang pertanyaan lanjut tidak akan dilayan.

2.8 HADIAH PEMENANG

Pasukan pemenang akan menerima hadiah berupa:

- **Johan:** Trofi, sijil dan wang tunai berjumlah MYR3,000 (Tiga Ribu Ringgit Malaysia)
- **Naib Johan:** Trofi, sijil dan wang tunai berjumlah MYR2,000 (Dua Ribu Ringgit Malaysia)
- **Tempat Ketiga:** Trofi, sijil dan wang tunai berjumlah MYR1,000 (Satu Ribu Ringgit Malaysia)
- **3 (TIGA) Pembentang terbaik:** Trofi, sijil dan wang tunai sebanyak MYR500.00 (Lima Ratus Ringgit Malaysia).
- RISM juga menjanjikan penganugerahan Biasiswa RISM berprestij kami kepada semua pemenang Anugerah Pencapai Muda yang mendaftar ke kursus ukur bertaullah di institusi pengajian tinggi tempatan

2.9 HAK CIPTA

- (i) Semua penyertaan mestilah merupakan karya asli peserta. Peserta hendaklah bertanggungjawab ke atas semua liabiliti yang timbul daripada pelanggaran mana-mana hak cipta. Jika entri didapati telah melanggar hak cipta orang lain, ia akan dibatalkan penyertaan serta-merta.
- (ii) Setiap pasukan penyertaan dengan ini bersetuju bahawa semua hak harta intelek bagi konsep, idea, reka bentuk, pengiraan, lukisan, lakaran, spesifikasi, gambar rajah, data, item, model, bahan dan dokumen lain yang tersendiri dan eksklusif sedemikian yang sedang dibangunkan, disediakan, dibentuk, dihasilkan, diterima pakai, dilaksanakan atau diperoleh secara tersendiri dan eksklusif untuk Pertandingan hendaklah terletak hak pada Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM) tanpa sebarang kos yang perlu dibayar kepada Peserta oleh RISM.
- (iii) Setiap pasukan membenarkan pihak RISM untuk membangunkan, menyalin, mengedit, memaparkan di pameran awam, menyiaran, menerbitkan, mengguna pakai untuk pelaksanaan pada masa hadapan, secara keseluruhan atau sebahagian. Harta intelek dilindungi atau bahan boleh dilindungi yang dikemukakan oleh setiap peserta, dalam apa-apa cara tanpa memohon bayaran selanjutnya semasa dan selepas pertandingan, kecuali jika dilarang oleh undang-undang.
- (iv) Setiap pasukan peserta dengan ini bersetuju untuk tidak mulakan, menghasut, menyokong, mengekalkan atau membenarkan sebarang tindakan, tuntutan atau tuntutan mahkamah terhadap RISM, atas alasan bahawa sebarang penggunaan Penyerahan seperti yang diperuntukkan di sini, melanggar mana-mana hak peserta sebagai pencipta penyerahan.

- (v) Sebarang pertikaian yang timbul di bawah atau berkaitan dengan pertandingan akan ditimbangtara di bawah undang-undang Malaysia oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa ke atas daerah di mana penganjur berada.

3.0 PERTANDINGAN ANUGERAH PENCAPAIAN MUDA 2024: TAJUK TUGASAN:

MENCIPTA PROSPEKTUS DAN MEMBANGUNKAN SEBUAH LAMAN WEB BAGI MEMPROMOSIKAN FAKULTI UKUR BAHRU.

- i. Tugasan yang diberikan adalah untuk memberikan pendedahan dan mempromosikan Fakulti Ukur yang dicipta serta memperkenalkannya kepada pelajar yang ingin menyambung pelajaran mereka di dalam bidang ukur.
- ii. Tugasan diberikan kepada pasukan yang terdiri oleh **3 (TIGA)** orang pelajar. Penghasilan sesebuah laman web dan prospektus perlulah berkaitan dengan 4 bidang ukur seperti dibawah:
 - a) Bidang Ukur Tanah dan Geomatik
 - b) Bidang Ukur Hartanah
 - c) Bidang Ukur Bahan
 - d) Bidang Ukur Bangunan

1.0 GARIS PANDUAN PENYERAHAN TUGASAN

- i. Tugasan yang berikan mestilah merupakan hasil daripada kreativiti pasukan itu sendiri.
- ii. Bagi mencipta sebuah laman web dan penyediaan Prospektus, setiap pasukan dikehendaki menggunakan mana – mana platform dalam talian yang tidak berbayar. Pihak RISM tidak akan menanggung sebarang kos sekiranya peserta menggunakan khidmat dalam talian atau aplikasi yang berbayar

Nota Penting:

- Setiap pasukan hendaklah membuat penyelidikan dan mencari sumber rujukan sendiri tanpa bantuan guru atau pasukan lain.
- **Sila rujuk garis masa bagi penghantaran tugas.**

5.0 KAEDAH PEMBENTANGAN TUGASAN

- i. Setiap pasukan diberi masa 10 minit untuk membentangkan laman web dan propektus mereka kepada Panel Juri. Pasukan juga dibenarkan menggunakan bantuan visual semasa pembentangan. Komputer riba akan disediakan semasa hari pembentangan tersebut.

- ii. Pada sesi akhir pembentangan, Panel Juri akan mengemukakan beberapa soalan berdasarkan tugasan yang dibentangkan.

6.0 KUIZ

- i. Pada hari pertandingan akhir, setiap ahli pasukan diwajibkan mengambil bahagian dalam kuiz bagi memupuk semangat berpasukan dan kerjasama.
- ii. Soalan kuiz yang akan diberikan adalah soalan yang bercorak umum dan berkaitan dengan bidang ukur.

LAMPIRAN A

1. CONTOH PENYERAHAN PROSPEKTUS (MUKA HADAPAN PROSPEKTUS)



PERTUBUHAN JURUUKUR DIRAJA MALAYSIA

**PERTANDINGAN ANUGERAH PENCAPAIAN
MUDA 2024**

**PROSPEKTUS
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT & ALAM BINA**

UNIVERSITI XYZ

2. CONTOH PROSPEKTUS BOLEH RUJUK DI PAUTAN:

<https://drive.google.com/file/d/1gc05cCW5rEwAT3luzwXF3ZkvKsxZ-1KO/view?usp=sharing>

RUBRIK PEMBENTANGAN TUGASAN

LAMPIRAN B

Kriteria	SKOR PENILAIAN			
	1	2	3	4
Kemahiran Komunikasi	Pelajar tidak bersedia. gaya persembahan membosankan dan kurang jelas	Persembahan yang memuaskan dan pada tahap sederhana	Persembahan yang baik dan menarik	Persembahan yang sangat baik dan menarik
Kemahiran Berpasukan	Kurang komitmen pada setiap ahli	Tahap Kerjasama yang memuaskan dan sederhana	Komitment yang baik dengan semangat berpasukan	Komitmen yang sangat baik daripada kalangan ahli kumpulan
Etika dan Tingkah Laku Profesional	Perwatakan yang kurang sopan dan tidak memenuhi kriteria berpakaian	Tahap perwatakan yang sederhana dan masih tidak memenuhi kriteria berpakaian	Tahap perwatakan baik dan memuaskan	Tahap perwatakan yang sangat baik serta memenuhi kriteria berpakaian
Pembelajaran sepanjang hayat	Kurang berkebolehan mencari ilmu pengetahuan secara sendiri	Tahap berkebolehan yang sederhana dalam mencari ilmu pengetahuan secara sendiri dan menerima idea baru	Tahap yang baik dan berkebolehan mencari ilmu pengetahuan dan menerima idea baru	Tahap yang sangat baik dan berkebolehan mencari ilmu pengetahuan serta menerima idea baru secara terbuka

SOAL JAWAB PERTANDINGAN**LAMPIRAN C****PERTANDINGAN ANUGERAH PENCAPAIAN MUDA 2024****TAJUK TUGASAN:**

Membangunkan sebuah Laman Web dan Prospektus bagi Mempromosikan Fakulti Ukur Baharu.

Sebarang pertanyaan, sila emailkan borang ini ke rism.yaa@rism.org.my

NO.	PERTANYAAN	MAKLUM BALAS PERTANYAAN
1.	Sila maklumkan/sahkan perkara berikut:-	

BORANG PENGESAHAN PENDAFTARAN PERTANDINGAN**LAMPIRAN D**

- Borang pendaftaran pertandingan ini perlu diisi oleh ketua pasukan dan mendapat pengesahan daripada Pihak Pengetua Sekolah.
- Saya / Kami telah membaca dan memahami peraturan dan syarat pertandingan serta bersetuju untuk menyertai **Pertandingan Anugerah Pencapaian Muda 2024** yang dianjurkan oleh Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia.
- Dibawah merupakan senarai nama pelajar yang akan menyertai Pertandingan Anugerah Pencapaian Muda 2024:

1. Maklumat Pelajar:

Nama Pelajar	No. Kad Pengenalan
1.	
2.	
3.	

2. Nama Pasukan: _____

Nama Sekolah: _____

Nama Guru Pengiring: _____

Tel. No Guru Pengiring: _____

Email: _____

Tandatangan Pegetua Sekolah

Nama Pengetua: _____

Cop Sekolah: _____

Nota Penting: **Pengesahan Pendaftaran akan dimaklumkan oleh Sekretariat pertandingan melalui email rism.yaa@rism.org.my**